

Headline	Melaka negeri perintis projek NCP		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Page No	51
ArticleSize	204 cm ²	Journalist	DIYANATUL
PR Value	RM 15,882		



Sebanyak 1,100 kediaman dapat manfaat akses internet berkelajuan tinggi

Melaka negeri perintis projek NCP

Oleh DIYANATUL ATIQA ZAKARYA

JASIN – Melaka menjadi negeri perintis untuk pelaksanaan projek perintis Pelan Perhubungan Antarabangsa (NCP) yang akan melibatkan seramai 1,100 kediaman di tiga buah kawasan perumahan.

Projek itu akan membolehkan penduduk yang tinggal di Taman Merbau, Taman Maju dan Felda Kemendor menikmati akses internet berkelajuan tinggi dengan kemudahan teknologi fiber

optik yang disediakan Tenaga Nasional Bhd. (TNB).

Pengerusinya, Tan Sri Leo Moggie (**gambar**) berkata, pemasangan infrastruktur itu akan dilakukan secara berperingkat selepas perbincangan bersama kerajaan negeri dan dijangka siap pada penghujung tahun ini.

“TNB dengan sokongan daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan



Perubahan Iklim telah diminta untuk bersama-sama mengambil peranan mempercepatkan inisiatif kerajaan ini.

“Kami akan memasang kemudahan teknologi fiber optik di 1,100 kediaman di Jasin yang membolehkan penduduk mendapat akses kepada rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar berhubung Majlis Pengumuman Projek Rintis TNB Bagi Menjayakan NCP

Headline	Melaka negeri perintis projek NCP		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Sep 2018	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Niaga	Page No	51
ArticleSize	204 cm ²	Journalist	DIYANATUL
PR Value	RM 15,882		

di TNB Jasin di sini semalam.

Mengulas lanjut, Moggie menjelaskan, projek rintis itu juga akan dilaksanakan bagi menilai aspek teknikal, keselamatan dan seterusnya menentukan daya komersial kemudahan infrastruktur berkenaan.

“Melalui projek rintis ini, TNB akan meneroka potensi menggunakan aset telekomunikasi untuk program ini dan kita akan menilai keberhasilannya untuk menentukan kemungkinan pelaksanaan komersial yang lebih meluas ke seluruh negara awal tahun hadapan,” katanya.